

06/07/2005

PROTON-VENDOR

TIDAK TEPAT KAITKAN PERLINDUNGAN K'JAAN SEBAGAI SUBSIDI, KATA VENDOR

PROTON

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Persatuan Vendor Proton hari ini menyifatkan kenyataan mengaitkan perlindungan kerajaan bagi pembuat kereta nasional sebagai subsidi kepada vendornya sebagai suatu yang agak malang.

"Perkataan "subsidi" itu isu subjektif dan salah tanggapan berkenaan amat malang," presiden persatuan Dr Wan Mohamed W.E hari ini.

Pada Selasa, Penasihat Proton Tun Dr Mahathir Mohamad dalam sidang akhbar di sini berkata jika Proton tidak dilindungi, ia sepatutnya diminta menanggung beban mendapatkan sumber alat dan komponen daripada vendor tempatan.

"Sebenarnya ia bukan subsidi untuk Proton. Ia sebenarnya subsidi bagi vendor ini," kata bekas Perdana Menteri semasa merujuk kepada kereta Korea Selatan yang diimport pada harga dibawa masuk yang beliau percaya di bawah kos pengeluaran.

Dalam satu kenyataan hari ini, Dr Wan Mohamed menegaskan bahawa pelantikan vendor adalah berdasarkan kepada pertimbangan perniagaan dengan penekanan kepada kualiti, kos dan penghantaran (QCD).

"Malah, vendor tempatan dikehendaki kompetitif dan terus lebih kompetitif memandangkan pelbagai keadaan seperti barangan pelepasan mandatori (MDI), komponen dan alatan pembuatan tempatan (LMCP) serta duti berkaitan dikurangkan dengan banyak atau dihapuskan," kata beliau.

Mengakui banyak lagi salah tanggapan mengenai vendor tempatan Malaysia, beliau berkata meskipun terdapat beberapa kekurangan pada mulanya di peringkat awal pembangunan, vendor telah secara positif menyumbang kepada industri pembuatan automotif nasional.

"Hari ini vendor mencapai tahap di mana mereka bersedia dan dapat bersaing dalam kerangka kerja perdagangan bebas dan adil," kata Dr Wan Mohamed.

Beliau berkata persatuan mengulangi komitmennya bagi memastikan vendor tempatan yang tidak bersedia untuk memperbaiki dan menjadi kompetitif dalam QCD perlu dikeluarkan.

"Telah diakui bahawa kuasa pasaran memberi kesan langsung terhadap kelangsungan hayat mereka," katanya.

Menjelaskan bahawa industri pengeluaran automotif bukanlah semata-mata mengeluarkan kenderaan bermotor, beliau berkata ia adalah pendahulu kepada pertumbuhan industri-industri berkaitan lain yang termasuk sektor berasaskan sumber (produk-produk getah, petrokimia dan sawit), logam, plastik, avionik dan sektor elektrik dan elektronik.

Beliau mendedahkan bahawa daripada RM20 bilion yang dilabur dalam membangunkan infrastruktur industri pembuatan automotif itu, vendor sahaja telah melabur RM13 bilion.

Pelaburan itu meliputi keupayaan reka bentuk, kejuruteraan, ujian dan pengeluaran dan juga mempertingkatkan aset dan kemahiran sumber manusia.

"Sebuah automobil atau kereta mengandungi 20 hingga 30,000 alat dan komponen, dengan itu ia merangsang pembangunan industri-industri berkaitan lain, usahawan-usahawan baru, ahli-ahli industri, pemodal-pemodal, pembekal-pembekal perkhidmatan dan banyak lagi.

"Oleh itu terdapat perhubungan simbiotik antara pengeluar kereta seperti Proton dan Perodua dan vendor-vendor. Kewujudan bersama ini adalah penting dan perlu kepada kejayaan industri pengeluaran automotif," kata beliau.

Sepanjang beberapa tahun ini, katanya vendor-vendor telah memperbaiki

keupayaan teknikal dan pengurusan mereka dan mencapai tahap disiplin serta profesionalisma yang lebih tinggi.

"Usaha dan keazaman mereka telah menyumbang kepada kedudukan Proton dan Perodua sekarang. Perhubungan sihat ini mestilah diiktiraf sebagai penting kepada kejayaan berterusan kedua-dua syarikat itu," kata Dr Wan Mohamed.

Beralih kepada Dasar Automotif Nasional (NAP), yang dijadual diumumkan September depan, katanya persatuan itu telah menganjurkan beberapa perjumpaan, dialog dan persidangan dengan anggota-anggota dan peserta-peserta industri.

Daripada hasil insteraksi dan maklum balas seumpama itu, persatuan itu telah mengemukakan syor-syornya kepada pihak-pihak berkuasa berkaitan.

"Persatuan ini akan terus bekerja rapat dengan semua pihak bagi memastikan industri pengeluaran automotif Malaysia akan berkembang dan bersaing dengan jayanya di dalam negeri dan secara global," tambah beliau.

-- BERNAMA

MAD SD NHD/OS